

Pencapaian akademik penting bagi pelajar asasi teruskan pengajian

UB 25.3.2017 A2

KOTA KINABALU: Pencapaian akademik amat penting bagi tahap asasi kerana ilmu yang diperoleh merupakan asas bagi mengikuti program-program prasiswazah selepas menghabiskan Program Asasi Sains di Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata para pensyarah pula perlu membantu pelajar bukan sahaja dari segi pembelajaran, malah seharusnya memberi inspirasi dan memupuk minat mereka agar terus mendalami ilmu sains.

“Saya juga ingin mengingatkan para pelajar agar sentiasa bersyukur dengan peluang belajar di PPST, lebih-lebih lagi dengan kelengkapan dan kemudahan yang serba baharu ini,” katanya ketika merasmikan Bangunan Utama PPST, baru-baru ini.

Beliau berkata pelajar yang kini menuntut di PPST adalah kumpulan pelajar yang bertuah kerana dapat mengikuti Program Asasi Sains di UMS berbanding puluhan ribu calon yang telah memohon untuk mengikuti program itu.

“Para pensyarah haruslah melaksanakan tugas mendidik



HARUN menanam pokok di perkarangan bangunan baharu PPST UMS.



HARUN mengguting reben sebagai simbolik perasmian bangunan PPST UMS.



HARUN diberi penerangan tentang perkembangan PPST oleh Sazmal (kanan).

pelajar muda ini dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh seperti mengajar adik-adik sendiri kerana mereka inilah yang akan menjadi perintis para jurutera, doktor, saintis dan juga pensyarah pada masa hadapan,” katanya.

Menyentuh mengenai bangunan baharu PPST, Harun berkata PPST amat bertuah kerana mempunyai bangunan sendiri, yang

tersergam indah dan berkonsepkan EcoCampus, sesuai dengan kelestarian alam sekitar.

“Bangunan baharu ini pasti akan memberisuntikan baharu dan menaikkan lagi semangat warga PPST untuk bekerja lebih gigih dan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus serta mendukung segala visi UMS secara amnya,” katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof D Kamarudin D Mudin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Shahril Yusof; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Madya Dr Ismail Ali; dan Pengarah PPST Prof Madya Dr Sazmal Effendi Arshad.